

Isu 40 peratus hasil Sabah



Anwar bersama Hajiji dan Amirudin (dua dari kanan) serta penyokong GRS pada program Temu Rapat Dengan Pimpinan Masyarakat Tempatan dan Sahabat Usahawan Tuaran, di Sulaman, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

'Penyelesaian perlu lalui proses undang-undang'

Hubungan erat Persekutuan, negeri bolehkan isu MA63 diselesai

Oleh Safwan Sawi
bhnews@bh.com.my

Tuaran: Tuntutan 40 peratus kini berada pada landasan penyelesaian yang lebih jelas melalui proses perundangan dan perundingan rasmi di bawah kerangka Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan komitmen Kerajaan Persekutuan terhadap MA63 bukan sahaja di-zahirkan melalui kesediaan menyelaraskan semula hak kewangan Sabah, tetapi turut diper-

kukuh dengan beberapa penyelesaian yang sudah dibuat.

"Ini cakap 40 peratus. Pusing sana sini. Kerajaan negeri bawa kes. Bukan senang. Saya senang-senang nak cari 40 peratus? Ini berbilion. Jadi saya kena bincang. Tengok *agreement*, betul. Tengok kes, betul. Jadi bila betul, janji dulu, kita tunaikan," katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PM) berkata demikian ketika berucap pada program Temu Rapat Dengan Pimpinan Masyarakat Tempatan dan Sahabat Usahawan Tuaran, di Sulaman, sini, semalam.

Turut hadir Ketua Menteri Sabah yang juga Pengerusi Gabungan Rakyat Sabah (GRS), Datuk Seri Hajiji Noor; Menteri Besar Selangor yang juga Pengerusi PKR Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari; calon GRS Dewan Undangan Negeri (DUN) Pantai Dalit, Datuk Jasni Daya; dan

calon GRS DUN Tamparulli, Dr Bonaventure Boniface.

Perdana Menteri berkata, pendekatan berasaskan rundingan dan undang-undang penting bagi memastikan hak negeri diselesaikan dengan sah, tepat dan tanpa menjejaskan kewangan negara.

"Tengok MA63. Ini kuasa negeri. Berapa puluh tahun, berapa Ketua Menteri? Ini kali pertama kerajaan negeri minta, dipulangkan kepada negeri. Kerajaan Persekutuan, saya pinda undang-undang di Parlimen. Lulus. Sekarang, Sabah Electricity Board itu kembali kepada Sabah," katanya.

Beliau turut menegaskan penyelesaian MA63 ialah tanggungjawab bersama kerajaan negeri dan Persekutuan, justeru kestabilan kedua-dua pihak amat diperlukan agar semua tuntutan

dapat diselesaikan secara teratur dan mengikut saluran sah.

Anwar berkata, komitmen kerajaan terhadap Sabah bukan sekadar kenyataan politik, sebaliknya dibuktikan melalui kelulusan dana besar, pengembalian kuasa undang-undang serta penyelarasan dasar yang memberi lebih banyak kuasa kepada negeri.

Katanya, hubungan erat di antara kerajaan Sabah dan Persekutuan menjadi faktor utama yang membolehkan isu tertunggak MA63 dipercepat, berbanding pentadbiran terdahulu.

"Inilah kaedah kerja yang kita amalkan, iaitu kerajaan negeri dipimpin oleh kepimpinan negeri, manakala pelaksanaannya disokong Kerajaan Persekutuan. Pendekatan ini memudahkan urusan, mempercepat pelaksanaan dan memantapkan usaha kita menunaikan komitmen di bawah MA63," katanya.